

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEMBANGUNAN PROTOTAIP
APLIKASI MULTIMEDIA
INTERAKTIF BAHASA ARAB
TAHUN SATU

HAZRATI BINTI YAHAYA

SARJANA

Oktober 2016

ABSTRAK

Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran tambahan yang diajar di sekolah rendah. Pendedahan bahasa Arab sejak awal pendidikan amat penting bagi menyemai minat dan rasa seronok dalam mempelajari asas-asas bahasa Arab seterusnya dapat menguasai kemahiran berbahasa Arab. Namun hasil kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu mendapati penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang lemah. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa perkara antaranya ialah sistem pendidikan berasaskan peperiksaan, penggunaan pedagogi pengajaran yang tidak menjurus kepada penguasaan kemahiran bahasa dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) serta Alat Bantu Mengajar (ABM) kurang digunakan. Sejajar dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan prototaip aplikasi multimedia interaktif bagi mata pelajaran bahasa Arab tahun satu dengan memfokuskan kepada kemahiran mendengar dan juga kemahiran bertutur. Proses pembangunan prototaip aplikasi multimedia ini adalah berdasarkan model reka bentuk instruksi Hanafin & Peck (1988) sebagai panduan aliran kerja dengan sedikit pengubahsuaian. Dapatkan kajian menunjukkan satu prototaip aplikasi multimedia interaktif bahasa Arab tahun satu berasaskan cakera padat telah dibangunkan. Hasil pembangunan prototaip aplikasi multimedia tersebut dinilai melalui kajian kualitatif dan kajian kuantitatif. Untuk kajian kualitatif, instrumen yang digunakan adalah temu bual berstruktur dan data-data yang diperoleh melalui empat orang pakar pedagogi pengajaran bahasa Arab akan dianalisis secara manual. Manakala bagi kajian kuantitatif, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan data-data yang diperoleh melalui 30 orang guru bahasa Arab akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Oleh itu, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa prototaip aplikasi multimedia interaktif bahasa Arab tahun satu yang dibangunkan perlu penambahbaikkan bagi meningkatkan mutu prototaip aplikasi multimedia tersebut dan penghasilan prototaip aplikasi multimedia tersebut juga dapat membantu murid tahun satu dalam mempertingkatkan kemahiran mendengar dan juga kemahiran bertutur.

PENGHARGAAN

Alhamdulilah, dengan nama Allah S.W.T dan segala puji bagiNya, maka saya dapat menyempurnakan kajian penyelidikan ini dengan jayanya. Selawat dan salam buat Jujungan Besar Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat serta para pejuang agama Allah S.W.T hingga ke akhir zaman.

Pertama sekali, setinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr Janudin Sardi selaku penyelia di atas segala tunjuk ajar, pertolongan, nasihat dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang saya di bawah seliaan beliau. Ucapan terima kasih juga kepada kepada seluruh warga Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA di atas segala pertolongan dan bantuan yang telah diberikan.

Di samping itu juga, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pengetua-pengetua Sekolah Kebangsaan Bandar Anggerik, Sekolah Kebangsaan Seksyen 27 (2), Sekolah Kebangsaan Seksyen 6, Sekolah Kebangsaan Seksyen 4 dan Sekolah Kebangsaan Seksyen 7 yang telah terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini.

Sekalung budi yang tidak akan dilupa kepada suami, Ibrahim Youssef, anak Norhan, ibu Datin Prof Dr. Ir. Shah Rizam Mohd. Shah Baki dan seluruh ahli keluarga kerana sentiasa memberi dorongan serta mengiringi doa dan harapan untuk saya terus belajar dan maju jaya. Juga kepada sahabat dan taulan yang membantu secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Akhirnya, kepada semua pihak yang terlibat secara lansung dan tidak langsung dalam membantu saya sepanjang kajian ini dijalankan, semoga Allah subhanu wataala membala sagala jasa kalian dengan ganjaran yang setimpal.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGESAHAN PANEL PEMERIKSA	ii
PENGAKUAN PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
JADUAL TRANSLITERASI	viii
SENARAI SINGKATAN	x
BAB SATU : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Matlamat Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Persoalan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Kepentingan Kajian	7
1.9. Definisi Operasional	8
1.10 Penutup	9

BAB DUA : KAJIAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Pendidikan bahasa Arab di Malaysia	12
2.3 Pendidikan bahasa Arab Sekolah Rendah	13
2.4 Pedagogi Pengajaran Bahasa	16
2.4.1 Strategi Pengajaran Bahasa	17
2.4.1.1 Strategi Pemusatkan Guru	18
2.4.1.2 Strategi Pemusatkan Murid	18
2.4.1.3 Strategi Pemusatkan Bahan	19
2.4.2 Pendekatan Pengajaran Bahasa	19
2.4.2.1 Pendekatan Deduktif	20
2.4.2.2 Pendekatan Induktif	20
2.4.2.3 Pendekatan Eklektik	21
2.4.2.4 Pendekatan Didik Hibur	22
2.4.3 Kaedah Pengajaran Bahasa	24
2.4.3.1 Kaedah Nahu Terjemahan	26
2.4.3.2 Kaedah Terus	26
2.4.3.3 Kaedah Dengar-Tutur	26
2.4.4 Teknik Pengajaran Bahasa	27
2.4.4.1 Teknik Lakonan	28
2.4.4.2 Teknik Permainan Bahasa	30
2.4.4.3 Teknik Latih Tubi	31
2.4.4.4 Teknik Bercerita	32
2.4.4.5 Teknik Nyanyian	